



Protes atau masalah

Ibu bapa fahami emosi, aksi anak kecil mampu bantu anak jadi insan positif

?

SAYA ibu dua anak lelaki yang jarak usia mereka setahun iaitu abang baru berusia 2 tahun

1 bulan, manakala adiknya, sembilan bulan. Sebagai ibu, saya dapat melihat dan rasakan anak sulung saya mempunyai karakter yang lembut dan segi percakapan. Namun, apabila saya dan suami mengajarnya dengan memanggil namanya, dia enggan sahut. Malah, apabila ditegur supaya tidak membuat sesuatu yang sudah kami larang, termasuk menitik tangannya, dia tetap mengulangannya. Se-abang ini pun tidak boleh dibarengkan bersendirian kerana dia pasti akan menangis dan menjerit sekuat hati biarpun kami tidak pernah menakutkaninya. Malah, kami sebagai ibu bapa juga tidak pernah membezakan kasih sayang antara abang dengan adiknya. Bagaimanapun, ada kalanya timbul resah dan ingin tahu bagaimana caranya untuk membiimbangi anak-anak ini yang ada kalanya membuatkan saya dan suami hilang sabar.

Puan Ani



Bersama
Dr Mastura Badzis

MENANGANI dengan tingkah laku anak pelbagai kerenah sememangnya suatu yang mencabar dan sering menguji kesabaran ibu bapa, apatah lagi jika ini adalah pengalaman pertama membesarkan anak di usia tertentu. Justeru, dalam usaha memahami kerenah anak, adalah menjadi kewajipan bagi pasangan ibu bapa untuk cuba memahami terlebih dulu ciri-ciri semula jadi bagi setiap peringkat per-

kembangan anak agar ibu bapa boleh memahami dan boleh membezakan sama ada sesuatu tingkah laku yang ditunjukkan anak adalah ciri-ciri normal perkembangannya pada sesuatu peringkat umur atau adakah ia satu 'masalah' yang membimbangkan.

Hasil kajian ilmiah banyak membuktikan bahawa kurang memahami ciri-ciri semula jadi tingkah laku anak boleh membawa kepada permasalahan, menyebabkan tekanan kepada anak. Sebaliknya, ibu bapa yang memahami peringkat perkembangan anaknya akan banyak bersebar memahaminya kerenah anak, malah lebih banyak membantu melakukan perkara positif untuk menyokong perkembangannya.

Secara rasionalnya ibu atau bapa yang memahami tahap perkembangan seseorang anak dan keperluan setiap aspek perkembangan sudah pasti akan membantu dan memberi sokongan semasa membesarkan mereka bersesuaian dengan keupayaan dan keperluan individu. Jika mahukan anaknya lahir sebagai individu yang cemerlang, potensi anak akan digarap tanpa ada unsur tekanan, paksaan dan mengikut emosi.

Telatah atau kerenah anak masih tatih yang mencecah usia dua tahun memang sering memeningkan kepala ibu bapa untuk menanganinya. Emosinya yang sering turun naik menyebabkan ia sukar dikawal dan

difahami. Daripada aspek kognitif, perasaan ingin tahunya yang begitu tinggi dan ingin mempelajari apa saja yang ada di persekitaran menjadikannya nampak nakal, tidak tahu duduk diam dan sering dilihat suka mencuba, memegang, menyentuh, menghidu, memulus, menuang, mengasingkan benda, menguji, membongkar dan sebagainya. Jadi, tidak hairanlah anak-anak dalam usia ini selalu disebut sebagai *terrible twos*.

Melihat perkembangan bahasa dan kebolehannya yang agak terbatas untuk berkomunikasi, puan pastinya akan berhadapan tingkah laku mengamuk atau *temper tantrum*, menunjukkan perangai yang tidak masuk akal dan menguji kesabaran. Memandangkan emosi yang dialami anak sama ada marah, sedih, geram, takut dan sebagainya adalah suatu yang abstrak, si kecil ini tidak dapat meluahkan perasaannya melalui kata-kata dan biasanya emosi itu diluahkan melalui perbuatan. Ia memang disengajakan dengan harapan orang yang melihatnya akan memahami apa yang cuba diluahkan melalui bahasa badan biarpun perbuatannya ini kadang-kadang ditafsirkan sebagai agresif, buas, degil dan sebagainya.

Dalam situasi tertentu, puan akan melihatnya seperti melawan ibu bapanya, namun perlu difahami bahawa *reject syndrome* yang

dialaminya adalah dari dalaman diri serta keadaan emosinya yang turun naik dan bukan 'menentang' ibu bapa. Adalah suatu yang normal juga bagi kanak-kanak seusianya mengalami rasa takut yang sukar untuk dikenal pasti puncaknya. Pada peringkat usia ini, anak kecil ini memang mudah berasa takut apabila mendengar bunyi yang kuat atau bising, suara binatang, bilik gelap, 'kehilangan' ibu bapa (*separation anxiety*), perubahan kepada persekitaran dan takut kepada apa saja yang 'pada tanggapannya' (bukan tanggapan orang dewasa) adalah bahaya atau menakutkan.

Dari satu aspek, saya percaya ibu bapa yang penyayang sememangnya cuba seberapa daya untuk bersikap adil dan tidak membezakan anak, namun kadang-kadang kita mungkin terlepas pandang kalau ketidakadilan berlaku secara tidak sengaja dan tidak kita sedari apatah lagi kalau ia memabitkan bebanan perasaan yang boleh membawa kepada rasa cemburu dalam kalangan adik beradik. Seperti yang pernah saya nyatakan dalam

keluaran lalu, dalam satu hadis riwayat Ibnu Ad'idiar, Anas bin Malik r.a. berkata: "Seorang lelaki duduk di sebelah Rasulullah s.a.w, lalu datang kepadanya seorang kanak-kanak lelaki (anaknya) lalu dicium dan didudukan di tepinya. Tidak lama selepas itu, datang pula anaknya yang perempuan lalu didudukan di tepinya tanpa menciumnya. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda menegur perbuatan tersebut dengan berkata: "kamu telah tidak berlaku adil pada kedua-dua anak kamu! Sesungguhnya Allah menyukai kamu berlaku adil terhadap anak walaupun dalam hal yang melibatkan ciuman".



ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhntia@bharian.com.my atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

INFO

Tip tangani kerenah anak usia tatih:

- Jika anak menunjukkan sikap menolak atau membantah (seperti menolak jika mahu dipeluk dan sebagainya), usah ambil hirau atau begitu terkesan dengan perbuatannya tetapi sambut dan peluklah ia dengan kasih sayang bila dia mendapatkan anda semula.
- Tunjukkan kasih sayang yang konsisten dan anda perlu sentiasa bersikap tenang ketika menangani kerenahnya.
- Berikan dia kasih sayang 'tanpa syarat' walaupun dalam situasi anda merasakan yang dia tidak memerlukannya ketika itu.
- Terimalah seadanya sikap anak yang kelihatan seperti 'tolak-tarik', terkadang seperti berdegil mahu buat sendiri semua perkara, tetapi kadang-kadang mahu ibu banya yang buat semua untuknya.
- Berikan sedikit masa *one to one* untuknya setiap hari walaupun dia sudah mempunyai adik.
- Buat tak tahu jika anak cuba 'mencari kasih' dengan buat perangai untuk mendapat perhatian, sebaliknya beri perhatian bila dia menunjukkan 'perangai baik'.